

Syarikat korporat, alumni digesa bantu universiti naiktaraf penyelidikan

DE 21/10/2012 3

Tracy Patrick

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Datuk Mohd Harun Abdullah menggesa syarikat korporat dan alumni universiti tersebut bersama-sama membantu universiti menaiktarafkan usaha penyelidikan dan pembangunannya.

Beliau membuat seruan itu semasa Majlis Makan Malam Konvokesyen ke-14 UMS di Pan Pacific Ballroom di sini, Jumaat lepas.

Hadir sama Yang di-Pertua Negeri dan Canselor UMS Tun Juhar Mahiruddin dan isteri Toh Puan Norlidah Datuk R.M. Jasni.

Harun berkata beliau percaya Jepun dan Korea Selatan lebih berinovasi kerana syarikat korporat gergasi di negara masing-masing menyumbangkan jumlah wang yang besar untuk membiayai penyelidikan universiti di situ.

"Seperti kita semua tahu, menjalankan dan menguruskan penyelidikan memerlukan suntikan dana yang besar dan penyelidik kita harus dibantu dengan dana yang banyak. Tanpa dana, jangan cakap tentang penyelidikan, ia sekadar ilusi dalam dunia akademik ini," kata Harun.

Justeru, katanya, beliau berharap alumni UMS yang mempunyai hubungan rangkaian baik dengan mana-mana gergasi korporat antarabangsa akan membantu universiti menambahkan dana penyelidikan dan berinovasi pada bila-bila masa.

"Saya sendiri akan menjadi perantara antara universiti dan syarikat agar usaha kita untuk menambahkan dana penyelidikan dan berinovasi kita akan direalisasikan," katanya.



JUHAR dan Harun ketika majlis tersebut.

Harun juga berkata, pada 27 September, Kementerian Pengajian Tinggi memberi pengiktirafan kepada Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS sebab berpotensi menjadi Pusat Kecemerlangan Institut Tinggi (HicoE).

Pada masa ini terdapat kurang daripada sepuluh HicoE di Malaysia. Ia satu inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi yang diwujudkan dengan tujuan mendorong Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk terus berdaya saing dalam pelbagai bidang penyelidikan, kemahiran dan perkhidmatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Seramai 4,336 pelajar daripada pelbagai bidang pengajian menamatkan pelajaran di universiti itu tahun ini. Universiti juga memberikan tujuh anugerah kepada pelajar yang cemerlang dalam akademik.

Pelajar ini adalah Daisy Wendy Pau dan Nur Thara Atikah Zainal (Anugerah Pendidikan Diraja), Ng Chee Guan (Pingat Emas Canselor), Azhar Awan Ali (Pingat Emas Naib Canselor), Pricynthia Nesha A/P Selvaraja (Pingat Emas Alumini), Rosli Siki (Amugerah Zainal Abidin Bador) dan Catherine Tan Yien Ping (Anugerah Pengajian Luar Kampus).

Sebauh anugerah disampaikan oleh Canselor.